

04 SEP 1998

PROTON-KPAAL/I

PROTON METERAI PERJANJIAN DENGAN KPAAL

SHAH ALAM, 4 Sept (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) hari ini menandatangani perjanjian dengan KP Asia Auto Logistics Sdn Bhd (KPAAL), anak syarikat Konsortium Perkapalan Bhd, berhubung pengendalian dan penghantaran komponen siap dipasang (CKD) untuk pengeluaran akhir dalam langkah untuk meningkatkan kecekapan operasi Proton.

Mengikut perjanjian itu, KPAAL akan menyediakan kemudahan penerimaan, penyimpanan dan penghantaran komponen CKD yang diimport serta yang dibuat di dalam negeri di gudang pusat KPAAL di Shah Alam ke kilang Proton kira-kira tiga km.

Langkah ini adalah juga sebahagian daripada strategi Proton memberi tumpuan kepada kegiatan utamanya, iaitu reka bentuk, kejuruteraan, pembuatan dan pemasaran dan memberikan kontrak kegiatan bukan terasnya kepada pakar logistik, kata ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Datuk Mahaleel Tengku Ariff di majlis pemeteraian perjanjian tersebut di sini.

Di majlis tersebut Tengku Mahaleel mewakili Proton, manakala KPAAL diwakili oleh pengarusinya Mirzan Mahathir. Majlis itu disaksikan oleh timbalan menteri pembangunan usahawan Datuk Idris Jusoh.

Kontrak tersebut bernilai antara RM8 juta dan RM9 juta setahun, kata Tengku Mahaleel. -- BERNAMA

YY MA